

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 27.11.2014

SOALAN :

Datuk Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kejadian kertas soalan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bocor baru-baru ini telah menjejaskan integriti Kementerian, oleh itu apakah langkah yang dilakukan oleh Kementerian bagi memulihkan keyakinan rakyat kepada Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah drastik dan serta-merta bagi menangani kes kebocoran kertas peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 2014. Selain daripada menyerahkan kepada pihak berkuasa bagi menyiasat kes berkenaan dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada, KPM juga telah:

- a) menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenalpasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh